

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN)

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah tahap teknologi senjata buatan Malaysia, adakah Malaysia masih bergantung pada buatan negara luar dalam membekalkan senjata, dan apakah ada usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam mengurangkan kebergantungan perbekalan senjata dari negara luar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa menyedari akan kepentingan pembangunan industri pertahanan tempatan bagi menyediakan keperluan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ke arah mencapai tahap pertahanan berdikari. Maka, inisiatif dan usaha telah diambil bagi menyediakan ruang dan peluang bagi syarikat tempatan membekalkan keperluan senjata ATM.

Secara umumnya, kemampuan industri persenjataan negara kini masih terhad kepada pemasangan dan penghasilan sebahagian daripada komponen senjata *rifle* yang dibekalkan kepada ATM, dengan rekaan milik syarikat persenjataan antarabangsa. Ini dilihat berpunca daripada keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) syarikat yang terhad dan masih sedang berkembang. Jumlah permintaan yang tidak mencapai *Return of Investment* (ROI) dan kegagalan syarikat tempatan untuk meyakinkan negara luar untuk membeli senjata buatan Malaysia juga menjadikan skop pasaran industri persenjataan negara kecil, sekaligus menyukarkan pihak syarikat untuk melakukan pelaburan bagi meningkatkan fasiliti dan kepakaran bagi menghasilkan senjata.

Oleh yang demikian, Kementerian Pertahanan sedang melaksanakan Program Penyelidikan & Pembangunan (R&D) secara usahasama strategik di antara Pusat Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Universiti Pertahanan Awam dan ATM bagi membangunkan senjata untuk kegunaan ATM. Projek yang sedang berjalan adalah penghasilan senjata *sniper rifle* 12.7mm dan akan disusuli dengan projek pembangunan senjata mortar 120mm. Prototaip daripada projek R&D ini akan diberikan kepada pihak ATM dan agensi keselamatan terpilih untuk digunakan bagi penilaian kualiti dan prestasi dan akhirnya setelah menepati piawaian serta kehendak pengguna, prototaip ini akan ditawarkan kepada syarikat pertahanan terpilih bagi tujuan penghasilan dan pemasaran.

Kementerian Pertahanan akan terus berusaha untuk mencari inisiatif yang relevan bagi meningkatkan keupayaan pemain industri pertahanan negara dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada industri antarabangsa.